JABATAN PENDIDIKAN SWASTA
*(DEPARTMENT OF PRIVATE EDUCATION)*
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
*(MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA)*
PARAS 1, BLOK K
PUSAT BANDAR DAMANSARA
50604 KUALA LUMPUR

Telefon : 603-258690
*(Telephone)* 603-258367

Faks *(Fax)* : 603-253546

SALINAN

Ruj. Kami: KP(JPS)5181/01/02Jld.2( 11 )

Tarikh: 22 Jun 2001

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Y. Bhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING PENTADBIRAN JPS BIL 3/2001**
**Pendaftaran Institusi Pendidikan Swasta (IPS)**
**Dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS)**

---

Surat pekeliling ini dikeluarkan dengan tujuan untuk memaklumkan tentang prosedur baru pendaftaran institusi pendidikan swasta (IPS) dan institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) yang dilaksanakan di Jabatan Pendidikan Negeri (JPN).

2. Sebagaimana Y. Bhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan sedia maklum bahawa peruntukan undang-undang di bawah Akta Pendidikan 1996 dan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 menghendaki semua institusi pendidikan didaftarkan di bawah Akta-akta berkenaan. Walau bagaimanapun prosedur yang pelbagai tahap (multi-level) yang perlu dilalui bagi pendaftaran IPS/IPTS telah menimbulkan banyak kerumitan dan masalah kepada pengusaha/pengendali IPS/IPTS. Keperluan JPN untuk mendapatkan pandangan dan kelulusan pihak-pihak berkuasa tempatan dan agensi-agensi berkaitan kerapkali mengakibatkan kelewatan dalam proses pendaftaran sesebuah institusi pendidikan.

3. Sehubungan itu bagi memperkemas dan mempercepatkan proses pendaftaran institusi pendidikan berkenaan Jabatan ini telah memutuskan supaya prosedur/ tatacara berikut dilaksanakan sebaik sahaja kelulusan bertulis diberikan bagi menubuhkan sesuatu institusi pendidikan;

3.1 Setelah memproses permohonan pendaftaran institusi yang dikemukakan oleh pemohon kepada Pendaftar Sekolah/Pendaftar IPTS negeri berkenaan, pihak JPN berkenaan mengeluarkan **perakuan pendaftaran sementara** kepada pemohon IPS berdasarkan **Sijil Kelayakan Menduduki Bangunan (CF)/Occupational Permit** (jika berkenaan) mengikut peruntukan Subseksyen 81(1) dan 81(2) Akta Pendidikan 1996. Bagi institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) pihak JPN boleh mendaftar dan mengeluarkan perakuan pendaftaran **bersyarat** mengikut peruntukan perenggan 24(9)(a) dan Subseksyen 24(10) Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996.

3.2 Pihak pemohon **sendiri berurusan** dengan pihak berkuasa tempatan dan agensi-agensi berkaitan dengan surat sokongan JPN untuk membuat pemeriksaan dan mendapatkan pandangan/ kelulusan mengenai kesesuaian/ keselamatan bangunan. Pihak Institusi bertanggungjawab sepenuhnya terhadap hal ehwal keselamatan premis dalam proses mendapatkan perakuan pendaftaran.

3.3 Setelah pihak pemohon memenuhi piawaian kesihatan serta keselamatan dan menyampaikan perakuan/kelulusan pihak berkuasa tempatan dan agensi-agensi berkaitan kepada JPN. JPN mengeluarkan Perakuan Pendaftaran kepada pemohon.

3.4 Mengemukakan satu salinan Perakuan Pendaftaran yang disahkan kepada Jabatan Pendidikan Swasta, Kementerian Pendidikan Malaysia.

4. Bagi tujuan pendaftaran pemberian nombor perakuan pendaftaran kepada IPS/IPTS hendaklah diselaraskan dengan menggunakan kod yang disediakan oleh Jabatan Pendidikan Swasta.

5. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta mulai tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(DATO' HAJI HASSAN BIN HASHIM)**
Timbalan Ketua Pendaftar
Institusi Pendidikan Tinggi Swasta
Kementerian Pendidikan Malaysia.

s.k.

1. Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
   Kementerian Pendidikan Malaysia

2. Pengarah Bahagian Pendaftaran & Piawaian,
   Jabatan Pendidikan Swasta.

3. Pengarah Bahagian Perancangan & Penyelidikan,
   Jabatan Pendidikan Swasta.

4. Pengarah Bahagian Penguatkuasaan,
   Jabatan Pendidikan Swasta.